



BEBERAPA penyelidik UNISZA menjalankan kajian di Sungai Terla bagi mengukur tahap pencemaran di Cameron Highlands, Pahang baru-baru ini.

Kesan daripada aktiviti pertanian tidak terkawal di pusat peranginan tanah tinggi

Sungai di Cameron Highlands tercemar

Oleh MOHD. HAFIZI AHMAD

KUALA LUMPUR - Seorang pakar forensik alam sekitar mendedahkan sebanyak empat batang sungai di Cameron Highlands, Pahang tercemar teruk akibat aktiviti pertanian yang tidak terkawal di pusat peranginan tanah tinggi itu.

Pengarah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Kuala Terengganu, Prof. Madya Dr. Hafizan Juahir berkata, sungai itu ialah Sungai Terla, Sungai Telom, Sungai Tringkap dan Sungai Bertam.

Menurut beliau, sungai-sungai itu telah tercemar apabila kandungan nitrogen ammonia (AN) dan kadmium (Cd) melebihi paras ditetapkan oleh Piawaian Kualiti Air Malaysia (NWQSM).

Katanya, terdapat lima kelas bagi mengenal pasti sama ada sungai itu telah tercemar.

Beliau berkata, sungai yang berada dalam kelas 1 dan 2 dikategorikan belum tercemar.

Hafizan berkata, kelas 3 dan 4 pula dikategorikan sebagai tercemar secara serius manakala kelas 5 dikira sebagai sungai mati kerana tiada kehidupan di dalamnya.

"Bagi sungai kelas 1 dan 2, kadar kandungan Cd yang ditetapkan oleh NWQSM adalah tidak melebihi 0.01 miligram (mg) dan hanya mengandungi AN sebanyak 0.3mg," katanya.

Bagaimanapun, Hafizan menjelaskan, hasil penyelidikan yang dilakukan pihaknya mendapati keempat-empat sungai telah mencapai tahap pencemaran kelas 5.

"Berdasarkan pemerhatian awal, pencemaran tersebut didakwa berpunca daripada

Berdasarkan pemerhatian awal, pencemaran tersebut didakwa berpunca daripada penggunaan baja dan racun pertanian yang tidak terkawal selain aktiviti pertanian yang terlalu hampir dengan tebing sungai



HAFIZAN

HAFIZAN JUAHIR

Ancaman tasik terkotor di Malaysia

Tasik Ringlet di Cameron Highlands dipenuhi sampah, enapan seluas 100 padang bola



KERATAN Kosmo! 3 November 2014.

penggunaan baja dan racun pertanian yang tidak terkawal selain aktiviti pertanian yang terlalu hampir dengan tebing sungai," katanya ketika ditemui Kosmo! baru-baru ini.

Pada 3 November 2014, Kosmo! melaporkan dua pertiga daripada isi kandungan Tasik Ringlet, Cameron Highlands yang mampu menampung sebanyak 6.2 juta meter padu air dipenuhi sampah sarap dan

enapan.

Hafizan turut menjelaskan, kandungan AN dan Cd yang tinggi jika terdedah kepada manusia boleh mengakibatkan alahan pada kulit selain memberi kesan kesihatan jangka panjang jika meminum air tersebut tanpa rawatan.

"Cd merupakan sejenis logam berat yang tidak dapat dilihat menerusi mata kasar. Jika meminum air yang mempunyai logam berat, ia akan memberi kesan terhadap organ dalaman badan seperti paru-paru, jantung dan buah pinggang.

"Jika mahu sungai-sungai kembali menjadi bersih dan dijadikan sebagai kawasan rekreasi, aktiviti pertanian berhampiran tebing sungai juga perlu dihentikan," ujarnya.